



DRAF TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
SEMARAK KHIDMAT MASYARAKAT@KOMUNITI
KAMPUNG BENDANG BUKIT,
PENDANG, KEDAH.**

**PADA 12 NOVEMBER 2016 (SABTU)
1.00 PM**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera. Salam Satu Malaysia.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita semua hadir dan berkumpul di Kampung Bendang Bukit, Pendang, Kedah bersempena dengan Majlis Perasmian Program Semarak Khidmat Masyarakat@Komuniti.
2. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Majlis Perasmian Program Semarak Khidmat Masyarakat@Komuniti. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada JKM di atas kejayaan penganjuran Program Semarak Khidmat Masyarakat@Komuniti yang pertama kali diadakan.
3. Saya juga ingin merakamkan rasa sukacita dan berbesar hati kepada Kerajaan Negeri Kedah khususnya Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Tiang, YB Datuk Suraya Yaacob, EXCO Pembangunan Wanita, Pertanian dan Asas Tani, Pembangunan Usahawan, Kebajikan Wanita Negeri Kedah serta penduduk sekitar Kampung

Bendang Bukit, Pendang, Kedah di atas kesudian menjadi tuan rumah bagi program ini.

4. Sesungguhnya komitmen semua agensi strategik yang turut terlibat dalam menjayakan program ini serta semua pihak dalam menyokong usaha-usaha dan program-program yang dilaksanakan oleh agensi dan Jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat dihargai.

MEREALISAKAN KHIDMAT TERUS KEPADA GOLONGAN SASAR

Hadirin yang dihormati,

5. Saya menyambut baik penganjuran Program Semarak Khidmat Masyarakat@Komuniti yang secara tidak langsung dapat menyebarkan perkhidmatan Jabatan agar masyarakat lebih memahami dan mendapat manfaat daripada pelaksanaan dasar dan program Jabatan yang berteraskan “*Out Reach Programme*” sebagai satu strategi turun padang dan dekat di hati rakyat yang berfokus serta meninggalkan impak kepada masyarakat khususnya golongan sasaran yang memerlukan.
6. Kepelbagai program serta usaha berterusan daripada agensi kerajaan adalah *platform* yang tepat dalam memperkenalkan serta menyebarkan perkhidmatan yang disediakan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat di peringkat akar umbi. Peredaran masa dan ledakan teknologi digital menuntut agar

perkhidmatan yang disampaikan sentiasa relevan dengan kehendak individu, keluarga dan komuniti.

7. Dengan mengoptimumkan sumber sedia ada serta menyahut saranan perbelanjaan berhemah oleh kerajaan, usaha-usaha membantu rakyat dapatlah dijalankan secara usaha sama di antara agensi kerajaan dan komuniti selaras dengan konsep 'Kebajikan Tanggungjawab Bersama'.

PENDEKATAN "CARI DAN BANTU"

Hadirin yang dihormati,

8. Pendekatan "Cari dan Bantu" yang mula diperkenalkan menerusi program Kembara Kebajikan 1Malaysia (KK1M) dilihat berkesan dalam memudah cara penyampaian perkhidmatan Jabatan dan agensi di bawah kementerian untuk mengesan rakyat yang memerlukan bantuan agensi berkenaan. Sebagai contoh golongan sasaran yang memerlukan bantuan dapat segera dikenal pasti dan diberi bantuan sewajarnya bergantung kepada keperluan setiap kes. Untuk makluman semua, bagi tahun 2016 (hingga Jun 2016), Kerajaan telah membelanjakan peruntukan sebanyak **RM774 juta** dalam bentuk bantuan kebajikan yang memberi manfaat kepada seramai **483,271** orang penerima bantuan.
9. Keberkesanan pendekatan "Cari dan Bantu" ini bukan sahaja dapat membantu mereka memerlukan bantuan JKM malah membantu dari

segi mengenal pasti golongan sasaran yang terlepas pandang oleh lain-lain agensi kerajaan.

10. Hal ini memerlukan kerjasama bersama ahli komuniti dan bukan peranan Jabatan semata-mata. Penyampaian maklumat dan perkhidmatan secara efisien dan berfokus perlu dilaksanakan secara berterusan selaras dengan perubahan isu semasa dan masyarakat sekeliling. Saya menyeru supaya gandingan kerjasama antara jabatan, pemimpin masyarakat, sukarelawan serta komuniti digembleng agar golongan terpinggir dan berisiko dapat dibantu daripada terus ketinggalan dalam arus perdana pembangunan.

KHIDMAT MASYARAKAT DAN KESUKARELAWAN

11. Saya melihat bahawa, Program Semarak Khidmat Masyarakat@Komuniti ini dapat menyemarakkan lagi perkhidmatan Perintah Khidmat Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui aktiviti kerja komuniti dan sukarelawan. Hasrat ini dilihat amat bertepatan dengan pengisian program sepanjang hari yang sarat dengan elemen "*home help*" di rumah-rumah klien Jabatan Kebajikan Masyarakat sekitar. Bagi tahun 2016 (hingga Jun 2016), Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mendaftarkan seramai 9,472 orang sukarelawan. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,071 orang sukarelawan adalah terdiri daripada sukarelawan *Home Help Services* yang telah memberi perkhidmatan kepada 5,632 orang warga emas dan 1,414 OKU.

12. Selain pelatih Perintah Khidmat Masyarakat, difahamkan pasukan Sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain NGO seperti PERWANI dan pertubuhan belia sekitar turut sama terlibat dalam menjayakan aktiviti pada hari ini. Kolaborasi sebegini amat wajar diteruskan bukan sahaja dapat menyumbang faedah nyata kepada masyarakat dan persekitaran, malah dapat memberi impak positif terhadap diri peserta yang terlibat.

PENUTUP

13. Saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Tiang, YB Datuk Suraya Yaacob, EXCO Pembangunan Wanita, Pertanian dan Asas Tani, Pembangunan Usahawan, Kebajikan Wanita Negeri Kedah serta penduduk sekitar Kampung Bendang Bukit, Pendang, Kedah di atas kesudian menjadi tuan rumah bagi program ini.
14. Di harap Program Semarak Khidmat Masyarakat@Komuniti ini dapat memberi impak serta *outcome* yang positif kepada semua yang terlibat.
15. Dengan lafaz Bismillahirrahmaanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Perasmian Semarak Khidmat Masyarakat @ Komuniti.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum W.B.T.